

**Kemelut Politik Dan Perbalahan Agama Boleh Ancam Kestabilan Negara - Panglima Tentera
Bernama
3 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melihat kemelut politik dan perbalahan agama yang tidak dikawal boleh menjadi satu ancaman besar kepada kestabilan negara.

Panglimanya Jen Tan Sri Zulkifeli Md Zain berkata sebagai benteng hadapan keselamatan negara, ATM memberi perhatian serius terhadap isu itu kerana percaya jika tidak ditangani dengan berhemah mampu memberi impak negatif kepada kesejahteraan rakyat.

ATM amat peka kepada perubahan iklim politik semasa negara dan mengenal pasti permasalahan sosioekonomi serta polemik perkauman yang keterlaluan boleh menjadi ancaman keselamatan awam, katanya kepada Bernama di sini baru-baru ini.

"Ancaman dalaman yang dihadapi negara ketika ini ialah berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam namun, ATM sebagai benteng pertahanan telah dan sentiasa bersedia untuk menghadapi perkara itu," katanya.

Katanya bagi menyekat situasi itu daripada menular dan menjadi ancaman, ATM telah meningkatkan lagi kerjasama sedia ada dengan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699250>